



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA:**

**PROGRAM PELANCARAN DIREKTORI  
ORGANISASI BERASASKAN KOMUNITI (CBO)  
KPWKM@SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**

**23 APRIL 2024 | SELASA | 4.00 PETANG  
DEWAN KOMUNITI CORAL HEIGHTS SIKAMAT,  
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**

Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera.

## **SALUTASI**

*(Disediakan secara berasingan)*

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama pada petang ini bagi menjayakan **Program Pelancaran Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM @Seremban, Negeri Sembilan.**

2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ketua agensi dan ketua komuniti yang sudi hadir di majlis yang sangat penting pada petang ini.

3. Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) ini sangat penting dalam memastikan kelancaran perkhidmatan penyampaian Kerajaan kepada komuniti.

## **DIREKTORI ORGANISASI BERASASKAN KOMUNITI (CBO)**

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

4. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berusaha untuk mengangkat dan memartabatkan kumpulan sasar Jabatan selaras dengan konsep 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama'.

5. Tanggungjawab bersama ini maksudnya tanggungjawab kita semua. Daripada kerajaan sehinggalah ke peringkat masyarakat. Kita perlu bersama-sama membantu kumpulan sasaran JKM ini antaranya orang kurang upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak dan komuniti setempat.

6. Bagi merealisasikan agenda ini, kita perlu ada sinergi diantara semua pihak yang terlibat. Atas faktor itu, Kementerian telah mewujudkan Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti atau *Community Based Organization* (CBO) KPWKM sebagai platform kerjasama ini.

7. Keanggotaan CBO ini terdiri daripada Jawatankuasa PAWE, Jawatankuasa PPDK, Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) serta Sukarelawan Kebajikan yang dianggotai oleh ahli komuniti.

8. Melalui inisiatif Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ini, ianya bukan sahaja dapat meningkatkan perkhidmatan penyampaian Kerajaan, tetapi akan turut menyediakan panduan dan rujukan yang boleh memberi bantuan dan sokongan sosial kepada masyarakat yang memerlukan khususnya kepada kumpulan sasaran yang saya sebutkan tadi.

9. Saya berharap, hadirin yang berada dihadapan saya ini dapat memanfaatkan program ini sebaiknya untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran ahli-ahli komuniti di Negeri Sembilan khasnya di Daerah Seremban sebagai rakan strategik dalam membantu menyantuni kumpulan sasaran Kementerian.

## PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Isu penjagaan keselamatan golongan rentan dalam komuniti khususnya kanak-kanak, golongan kurang upaya, warga emas serta mangsa keganasan rumahtangga tidak boleh dipandang ringan. Sekiranya tidak dibendung, ianya boleh menjadi barah di dalam masyarakat.

11. Setiap daripada kita terutamanya komuniti setempat mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk melindungi serta menjaga keselamatan dan kebajikan mereka.

12. Pengerusi dan ahli CBO merupakan orang yang paling dekat dengan komuniti untuk memohon pertolongan apabila berlaku sesuatu insiden.

13. Oleh yang demikian, peranan komuniti seperti Ketua Kampung, Persatuan/Pertubuhan Komuniti, guru, jiran, sukarelawan lain-lain sangat penting untuk menjadi **mata dan telinga** kepada pihak berkuasa.

14. Ini sangat penting untuk kita bersama-sama menangani sebarang kes penderaan, pengabaian dan keganasan yang dihadapi oleh komuniti setempat.

15. InsyaAllah pada hari ini akan dilancarkan **Direktori CBO KPWKM @Seremban, Negeri Sembilan** yang akan digunakan oleh Ketua CBO sebagai dokumen rujukan semasa menyantuni kumpulan sasaran dalam komuniti yang memerlukan bantuan.

16. Diharapkan dengan adanya Direktori CBO ini dapat mempercepat lagi tindakan yang diambil oleh CBO bagi membantu komuniti yang memerlukan.

## **PENUTUP**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

17. Kerajaan sedar, dalam usaha untuk membina komuniti yang sejahtera dan berbudaya penyayang, peranan setiap lapisan masyarakat amat penting sekali.

18. Ini bagi memastikan mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan sosial dapat dibantu, supaya mereka dapat menjalani kehidupan dengan lebih selesa, bermaruah dan dihormati serta tidak disisihkan selaras dengan konsep masyarakat penyayang.

19. Besarlah harapan saya agar program pada hari ini dapat memberi informasi berguna kepada semua yang hadir. Sampaikanlah juga informasi-informasi ini kepada mereka yang tidak berpeluang mengikuti program kali ini.

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada seluruh warga kerja JKM di peringkat ibu pejabat, negeri, daerah dan institusi serta agensi di bawah KPWKM yang telah bersama-sama menjayakan Program **Pelancaran Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM @ Seremban, Negeri Sembilan** pada hari ini.

21. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrohim, saya dengan ini merasmikan Program Pelancaran Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM @ Seremban, Negeri Sembilan.

Sekian,  
Wabillahi Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima Kasih.